

Kesukarelawanan sebagai asas kepada Keusahawanan Sosial : Ke arah memahami motivasi pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Zainah Othman & Hanita Adnan

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki motivasi yang menyebabkan pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melibatkan diri di dalam program berbentuk kesukarelawanan. Bagi kajian ini, seramai 10 orang pelajar dari 23 orang pelajar yang telah menjalani program WISE telah ditemubual. Pendekatan kualitatif digunakan bagi mendapatkan respon yang lebih mendalam tentang motivasi pelajar untuk terlibat dengan program 'Women in Social Entrepreneur' (WISE) secara sukarela. Enam dimensi motif sukarelawan atau 'Volunteer Function Inventory' (VFI) oleh Clary et al, (1998) telah dijadikan asas untuk penganalisisan data kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang terlibat dengan program WISE bercirikan motivasi kerjaya dan kefahaman sebagai motivasi utama, manakala bagi program di masa akan datang perlu lebih memberi penekanan kepada motivasi kerjaya dan nilai pelajar.

Kata kunci: Sukarelawan, motif sukarelawan, keusahawanan sosial, Volunteer Function Inventory (VFI).

1. Pengenalan

Kesukarelawanan telah menjadi sebahagian aset kepada sumber manusia di dalam kebanyakan sektor kemasyarakatan (Bang & Ross, 2009). Kepentingan kerja-kerja kesukarelawanan yang memberi faedah kepada organisasi telah diketengahkan oleh ramai sarjana (Chelladurai & Madella, 2006; Clary, 2004; Cravens, 2006; Cuskelly & Boag, 2001; Twynam, Farrell, & Johnston, 2002/2003). Cuskelly, McIntyre, dan Boag (1998) menyatakan sukarelawan lebih terlibat dengan organisasi dalam bentuk positif jika perkhidmatan yang diberikan berasaskan nilai dan tidak bermotifkan kewangan berbanding dengan pekerja yang dibayar. Faedah lain pula ialah sukarelawan tidaklah terikat dengan organisasi atau pengurus untuk menyara kehidupan mereka, mereka bebas untuk memberi kritikan membina dan maklumbalas kepada pengurus (Bang & Ross, 2009). Bagaimanapun terdapat dua signifikan motivasi sukarelawan iaitu, motivasi yang membayangkan kenyataan dan kesinambungan aktiviti kesukarelawanan dari kedua-dua sudut teori dan praktikal (Yeung, 2004). Kedua, kesinambungan dari motivasi kesukarelawanan meneroka fahaman sosiologi yang membawa kepada kemungkinan penglibatan dan komitmen pada masa akan datang (Yeung, 2004).

1.1 Pernyataan Masalah

Menurut Bussel & Forbes (2002), di Amerika Syarikat, terdapat penurunan sebanyak 11.5 peratus dari segi bilangan yang menjadi sukarelawan bagi tahun 1998 – 2000. Dari jumlah ini remaja dan lelaki dewasa adalah yang paling sedikit. Di Malaysia pula, sejak '1 Malaysia for Youth', (iM4U) diwujudkan, sebanyak 3,300 aktiviti sukarelawan dijalankan serta berjaya mengaktifkan 1.3 juta sukarelawan belia di negara ini (Hamizah, 2015). Menurut Pengerusi Majlis Sukarelawan Antara Universiti (MASKUM) Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din, gerakan sukarelawan di institut pengajian tinggi (IPT), terutama yang melibatkan penuntut dan generasi muda amnya telah mula menunjukkan peningkatan (Mohamed Fadzil, 2012). Ini dibuktikan melalui kajiannya pada tahun 2010 ke atas tujuh buah universiti tempatan menunjukkan pemahaman dan penglibatan generasi muda

terutama dalam kalangan penuntut meningkat kepada 70 peratus. Usaha ikhlas tanpa paksaan atau mengharapkan balasan melalui konsep perkhidmatan dan perkongsian mampu melahirkan modal insan yang matang melalui pendidikan dan penglibatan dalam masyarakat (Mohamed Fadzil, 2012). Amalan professional mengaitkan kerja sukarela hanya berlaku ketika bencana adalah persepsi yang salah (Mohamed Fadzil, 2012). Salah tanggapan itu wujud kerana kurangnya pemahaman tentang tugas dan peranan sebagai sukarela. Jelas sekali terdapat jurang kefahaman tentang motivasi mengapa sukarelawan terlibat di dalam aktiviti kesukarelawanan. Oleh itu, kajian ini menyelidiki apakah motivasi sebenar pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah untuk melibatkan diri di dalam kerja sukarelawan membantu 'Program Women in Social Entrepreneur (WISE)'.

1.2 Objektif

1.2.1 Mencirikan motivasi pelajar terhadap program sukarelawan

1.2.2 Mengenalpasti faktor penglibatan pelajar di masa hadapan

2. Kajian Kepustakaan

Di Malaysia, perkembangan kesukarelawanan di kalangan belia diterajui oleh iM4U (Hamizah, 2015). Terdapat lima kriteria yang menjadi keutamaan bagi membolehkan kumpulan sukarelawan mendapatkan sumbangan daripada DReIM iaitu menepati pembangunan belia, sukan, keusahawanan sosial, kesenian dan kebudayaan serta kesejahteraan masyarakat (Mohamed Fadzil, 2012). Program ini dijalankan di peringkat institusi pengajian tinggi contohnya di universiti awam dan swasta, politeknik, matrikulasi, institut perguruan, kolej komuniti dan sebagainya.

Menurut Bussel & Forbes (2002), sukarelawan adalah individu yang menawarkan perkhidmatannya untuk merubah sesuatu aspek dari masyarakat kepada yang lebih baik, atau terlibat di dalam aktiviti kebajikan. Manakala, memberi definisi kepada sukarelawan adalah sukar kerana tiada praktik yang standard di kalangan sukarelawan, mereka bergerak di dalam ribuan organisasi dengan fungsi, latar belakang, peringkat umur, kemahiran dan pengalaman yang berbeza (Bussel & Forbes, 2002). Walau bagaimanapun ia dikaitkan dengan altruistik sebagai motif utama dan bukannya kepentingan peribadi, di mana ganjaran menjadi asas kepada tindakan untuk melakukan kerja sukarelawan.

2.1 Keusahawanan Sosial

Keusahawanan sosial adalah bidang kajian baharu yang telah mula diterima oleh penulis dari pelbagai disiplin (Ireland & Webb, 2007; Short et al., 2009). Terdapat pelbagai definisi yang merangkumi pihak organisasi berasaskan keuntungan dan tidak berasaskan keuntungan, dan yang paling biasa adalah melibatkan persekitaran. Walau bagaimanapun yang paling berdekatan dengan kajian ini adalah definisi oleh Peredo & McLean (2006) dan diterjemahkan seperti berikut;

"keusahawanan sosial diamalkan oleh sesetengah orang atau kumpulan; dengan tujuan untuk membina nilai sosial, sama ada secara eksklusif atau sekurang-kurangnya dengan cara yang menonjol; menunjukkan keupayaan untuk mengenalpasti dan mengambil kesempatan di atas peluang bagi membina nilai tersebut; mengambilkira inovasi, berkisar dari penciptaan atau pengubahsuaian kerja orang lain di dalam mencipta atau memindahkan nilai sosial; bersedia untuk menerima risiko yang lebih dari lazimnya di dalam mencipta dan memindahkan nilai sosial dan selalunya mempunyai sumber yang luas dan tidak terkekang dengan asset yang terhad di dalam mencapai usaha sosial mereka." Definisi ini dapat dikaitkan dengan usahawan-usahawan yang terlibat di dalam program WISE sebagai usahawan sosial.

2.2 Motivasi Kesukarelawan

Sukarelawan dengan secara rela meluangkan masa dan tenaga untuk aktiviti kesukarelawan di atas pelbagai sebab. Phillips (1982) & Rehberg (2005) menyatakan salah satu cara memahami motivasinya ialah berdasarkan teori altruisme dan mementingkan orang lain, motivasi utama adalah sukarelawan ingin membantu orang lain. Walaupun begitu terdapat motivasi lain yang tidak boleh diabaikan di dalam memahami sukarelawan di antaranya, altruisme, kontrak sosial, minat individu dan keperluan emosi (Yeung, 2004). Kajian yang dilakukan oleh Shibli, Taylor, Nichols, Gratton dan Kokolakis (1999) di United Kingdom telah menunjukkan individu terlibat dengan kerja sukarela untuk faedah peribadi. Ini termasuk berkaitan keperluan atau minat sendiri dan keperluan atau minat keluarga atau rakan. Kajian oleh Cnaan dan Goldberg-Glen (1991) pula menunjukkan sukarelawan bukan sahaja bermotivasikan altruisme dan egoistik di dalam membantu organisasi tetapi juga mengharapkan sesuatu ganjaran peribadi terhadap kerja-kerja sukarelawan yang dilakukan. Walau bagaimanapun tidak terdapat pemisah yang jelas di antara motivasi altruisme dan egoistik (Cnaan & Goldberg-Glen, 1991). Kajian yang lebih menyeluruh telah dijalankan oleh Clary et al. (1998) yang mencadangkan enam dimensi motif sukarelawan (Volunteer Inventory Functions - VFI), iaitu;

1. Peluang untuk menunjukkan nilai seseorang berkaitan altruism dan kesedaran kemanusiaan terhadap orang lain (nilai).
2. Peluang untuk pengalaman pembelajaran baru dan untuk mempraktik pengetahuan, kemahiran dan kebolehan (kefahaman)
3. Peluang untuk bersama-sama dengan rakan atau untuk terlibat dengan aktiviti yang dilihat sebagai pilihan oleh orang-orang yang penting (sosial).
4. Peluang untuk mendapatkan pengalaman dari penglibatan di dalam kerja sukarela (kerjaya).
5. Peluang untuk menghilangkan rasa bersalah terhadap kelebihan diri sendiri dari orang lain dan berhadapan dengan masalah peribadi (perlindungan).
6. Peluang untuk pembangunan dan perkembangan ego (peningkatan).

Sejauhmana pengalaman mereka memenuhi fungsi ini bergantung kepada kepuasan mereka dengan kerja sukarelawan tersebut. Farrell et al. (1998) pula mencadangkan terdapat hubungan di antara kepuasan sukarelawan, motivasi dan pengalaman sebenar.

Sudah tiba masanya kegiatan sukarelawan dinaiktaraf menjadi amalan profesional bagi memastikan nilai-nilai positif yang terdapat di dalamnya dihayati (Mohamed Fadzil, 2012), ini kerana gerakan sukarelawan di institut pengajian tinggi (IPT), terutama yang melibatkan penuntut IPT dan generasi muda amnya telah mula menunjukkan peningkatan. Oleh itu kajian ini melihat motivasi pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terhadap program sukarelawan keusahawanan yang telah mereka jalani di premis keluarga angkat masing-masing di sekitar Shah Alam. Ini bertujuan bagi meningkatkan lagi penyertaan untuk program sebegini di masa akan datang.

3. Metod

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan responden seramai 10 orang pelajar dari Jabatan Perdagangan yang telah terlibat di dalam program 'Women in Social Entrepreneur', (WISE) selama empat minggu bermula dari 5 Mei 2015 sehingga 31 Mei 2015. Pelajar yang ditemubual terdiri dari tujuh pelajar perempuan dan tiga pelajar lelaki yang berumur di dalam lingkungan 20 tahun. Program WISE ini

berteraskan konsep perkongsian dan pemindahan ilmu serta kemahiran menerusi pembabitan seramai 23 orang pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari jurusan kejuruteraan dan perdagangan. Program ini telah dilaksanakan bermula dari tahun 2012 di antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan komuniti usahawan. Di dalam program ini pelajar telah ditempatkan bersama keluarga angkat yang terpilih dari kalangan usahawan sosial. Walau bagaimanapun bagi kajian ini hanya melibatkan 10 pelajar Jabatan Perdagangan di bawah seliaan penyelidik sahaja yang telah ditemubual. Kajian ini melibatkan penerokaan pengalaman pelajar selama mereka berada bersama keluarga angkat WISE. Menurut Creswell (1998), terdapat beberapa prosedur dalam melakukan kajian fenomenologi. Pertama, penyelidik perlu memahami perspektif dan filosofi di sebalik penggunaan pendekatan, khususnya mengenai konsep kajian "bagaimana individu mengalami suatu fenomena yang terjadi".

Bagi mendapatkan jawapan yang lebih khusus tentang penglibatan mereka di dalam kerja sukarelawan ini, penyelidik telah menanyakan soalan berkaitan dengan faktor-faktor utama mereka terlibat dengan program ini dan faktor-faktor mereka akan terlibat dengan program seperti ini di masa akan datang. Creswell (1998) menyatakan, bahwa penelitian kualitatif ialah suatu proses penelitian ilmiah untuk memahami masalah-masalah manusia dalam konteks sosial. Penyelidik juga membuat suatu gambaran kompleks, meneliti kata-kata, laporan terinci dari pandangan responden, dan melakukan kajian pada situasi yang alami.

Di dalam kajian ini pelajar telah diminta untuk menyatakan lima motivasi utama mereka untuk terlibat di dalam Program WISE ini dan lima motivasi utama mengapa mereka akan terlibat lagi dengan program sukarelawan seperti ini pada masa akan datang. Data telah diberikan kod seperti di jadual 1 di bawah;

Tema	Koding
Nilai	(n)
kefahaman	(kf)
sosial	(s)
Kerjaya	(k)
Perlindungan	(Pd)
Peningkatan	(e)

4. Data Analisis

Data kualitatif dianalisa dan ditranskrip dengan membentuk tema-tema yang menjurus kepada enam dimensi motif sukarelawan dengan menggunakan koding seperti di jadual 1. Tema kemudiannya, telah disusun mengikut enam dimensi motif sukarelawan iaitu nilai, kefahaman, sosial, kerjaya, perlindungan dan peningkatan. Penganalisan tema dan motivasi umum menjurus kepada pemaparan data seperti jadual dibawah:

Jadual 2 Pemaparan tema dan motivasi umum

Motivasi Umum	Motivasi Responden
Peluang untuk menunjukkan nilai seseorang berkaitan altruism dan kesedaran kemanusiaan terhadap orang lain (nilai).	- Hanya responden 2 menunjukkan kekuatan kecenderungan ke arah motivasi ini. - Manakala lima responden lagi iaitu responden 6, 7, 8, 9 dan 10 juga menunjukkan sedikit kecenderungan ke arah motivasi ini.
Peluang untuk pengalaman pembelajaran	- Sembilan responden menunjukkan

baru dan untuk mempraktik pengetahuan, kemahiran dan kebolehan (kefahaman)	kecenderungan ke arah motivasi ini kecuali responden 4.
Peluang untuk bersama-sama dengan rakan atau untuk terlibat dengan aktiviti yang dilihat sebagai pilihan oleh orang-orang yang penting (social).	- Hanya dua dari sepuluh responden menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi ini iaitu responden 3 dan responden 4.
Peluang untuk mendapatkan pengalaman dari penglibatan di dalam kerja sukarela (kerjaya).	- Kesemua sepuluh responden cenderung ke arah motivasi ini.
Peluang untuk menghilangkan rasa bersalah terhadap kelebihan diri sendiri dari orang lain dan berhadapan dengan masalah peribadi (perlindungan).	- Tiada responden menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi ini.
Peluang untuk pembangunan dan perkembangan ego (peningkatan).	- Terdapat dua responden yang cenderung ke arah motivasi ini iaitu responden 1 dan responden 4.

Hasil dari penganalisan tema juga telah menyumbang kepada motivasi pelajar akan terlibat dengan program sebegini di masa akan datang seperti di jadual 3.

Jadual 3 Faktor terlibat program masa hadapan.

Motivasi Umum	Motivasi Responden
Peluang untuk menunjukkan nilai seseorang berkaitan altruism dan kesedaran kemanusiaan terhadap orang lain (nilai).	- Empat responden iaitu responden 1, 3, 4 dan 5 menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi ini.
Peluang untuk pengalaman pembelajaran baru dan untuk mempraktik pengetahuan, kemahiran dan kebolehan (kefahaman)	- Hanya dua responden menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi ini iaitu responden 1 dan responden 2.
Peluang untuk bersama-sama dengan rakan atau untuk terlibat dengan aktiviti yang dilihat sebagai pilihan oleh orang-orang yang penting (social).	- Hanya dua dari sepuluh responden menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi ini iaitu responden 3, 4 dan responden 5.
Peluang untuk mendapatkan pengalaman dari penglibatan di dalam kerja sukarela (kerjaya).	- Seramai tujuh responden menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi ini iaitu responden 2, 4, 6, 7, 8, 9 dan 10.
Peluang untuk menghilangkan rasa bersalah terhadap kelebihan diri sendiri dari orang lain dan berhadapan dengan masalah peribadi (perlindungan).	- Tiada responden menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi ini.
Peluang untuk pembangunan dan perkembangan ego (peningkatan).	- Terdapat tiga responden yang cenderung ke arah motivasi ini iaitu responden 1, 2 dan responden 3.

4.1 Perbincangan

Hasil penganalisan menjawab objektif pertama kajian ini iaitu mencirikan motivasi pelajar. Sukarelawan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari Jabatan Perdagangan membentuk tiga ciri utama iaitu;

- Bermotivasikan kerjaya
- Bermotivasikan kefahaman dan,
- Bermotivasikan kombinasi peningkatan, nilai dan sosial

Di sini, Cnaan & Goldberg-Glen's (1991), Slaughter & Home (2004), Baron & Rihova (2010) mengenalpasti motivasi utilitarian berdasarkan memperolehi sesuatu dari pengalaman kesukarelawanan seperti mendapatkan kemahiran dan pengetahuan baru. Ini turut disokong oleh Strigas dan Jackson (2003) yang mencadangkan faktor 'material' di mana sukarelawan dimotivasikan oleh faedah yang boleh diukur seperti pembentukan kemahiran.

Di samping itu, sukarelawan yang lebih muda pula akan lebih dimotivasikan oleh peluang untuk mempelajari lebih tentang diri sendiri, kemahiran personal dan peluang dan pembangunan (Barron & Knoll, 2009; Holmes & Smith, 2009; Kemp, 2002; Slaughter & Home, 2004). Hal ini amat bertepatan dengan hasil analisis data kajian ini, di mana majority pelajar bermotivasi kerjaya dan kefahaman. Oleh itu, program kesukarelawanan yang berasaskan keusahawanan sosial amat bertepatan untuk memenuhi keperluan motivasi pelajar tersebut.

Bagi motivasi perlindungan, tiada pelajar yang merasakan motivasi mereka terlibat di dalam program ini adalah untuk menghilangkan rasa bersalah terhadap kelebihan diri sendiri dari orang lain dan berhadapan dengan masalah peribadi (perlindungan). Dimensi ini memerlukan satu penerokaan yang lebih mendalam di dalam kajian yang lain.

Hasil penganalisan juga menjawab objektif kedua kajian ini iaitu mengenalpasti motivasi bagi melibatkan diri dalam program sukarelawan di masa hadapan. Di sini pelajar Jabatan Perdagangan juga menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi:

- Kerjaya
- Nilai
- Kombinasi peningkatan, social dan kefahaman

Motivasi nilai di sini menjadi keutamaan menggantikan kefahaman, ini menunjukkan bagi program yang akan datang pelajar ingin menunjukkan keprihatinan terhadap orang lain. Menurut Tajul Arifin & Aishah Nadirah, (2013), kebanyakan sukarelawan melibatkan diri kerana ingin mempelajari sesuatu serta sikap dan nilai-nilai murni yang wujud dalam diri mereka. Ini disokong pula oleh Clary dan Snyder (1999) yang mendapati dimensi motif ini adalah faktor tertinggi di kalangan sukarelawan. Oleh itu lebih banyak program bercorak kemasyarakatan dan kesukarelawan boleh ditawarkan kepada pelajar. Cuma, pelajar perlu diberi pendedahan yang lebih tentang program kesukarelawanan yang akan diceburi dan apakah faedah yang bakal diperolehi oleh mereka.

5. Kesimpulan

Kajian ini meneroka motivasi 10 pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang telah mengikuti Program WISE selama empat minggu bermula dari 5 Mei 2015 sehingga 31 Mei 2015. Keusahawanan sosial memberi peluang kepada pelajar untuk mengetahui dan mempelajari sedikit sebanyak selok-belok perniagaan sepanjang mereka berada bersama usahawan tersebut. Oleh itu, program seperti ini telah ditawarkan secara penyertaan sukarela kepada pelajar yang berminat. Kesukarelawanan di kalangan pelajar university semakin meningkat, walaupun begitu,

bagi politeknik untuk mendapatkan penglibatan pelajar dengan kerja-kerja sukarelawan seperti ini adalah sukar. Pelajar mempunyai motivasi yang pelbagai untuk terlibat di dalam program seperti ini.

Oleh itu kajian ini dilakukan untuk memahami motivasi yang ada pada pelajar yang membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan pada masa kini dan akan datang.

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan enam dimensi motif sukarelawan 'Volunteer Function Inventory (VFI)' oleh Clary et al. (1998) sebagai asas penganalisisan. Analisis data menunjukkan, pelajar Jabatan Perdagangan mempunyai tiga motivasi utama iaitu kerjaya, kefahaman dan kombinasi peningkatan, nilai dan social. Di dalam kajian ini, program keusahawanan sosial amat bertepatan dengan motivasi pelajar. Manakala bagi memastikan mereka akan terlibat di program sukarelawan pada masa akan datang penekanan perlu diberikan ke atas motivasi kerjaya dan perhatian yang lebih juga perlu diberikan ke atas motivasi nilai.

Rujukan:

- Bang, H., & Ross, S. (2009). Volunteer motivation and satisfaction. *Journal of Venue and Event Management*, 1, 61-77.
http://sc.edu/study/colleges_schools/hrsm/research/research_journals_and_publications/jvem_pdfs/vol_1_no1/volunteer_motivation.pdf
- Baron, P. & Rihova, I. (2010). Volunteering in hospitality: Toward an understanding of the benefits of a structured volunteering scheme.
https://www.academia.edu/375447/Volunteering_in_hospitality_toward_an_understanding_of_the_benefits_of_a_structured_volunteering_scheme
- Barron, P. and Knoll, A. (2009) 'Towards and understanding of volunteer motivations: A case study of volunteers at Edinburgh's Fringe Sunday' In Allen, J. (ed.) (2009). *The International Event Management Summit: Conference Proceedings and Book of Abstracts*, Sydney: Australian Centre for Event Management and the University of Technology
- Bussell, H. and Forbes, D. (2002) 'Understanding the volunteer market: The what, where, who and why of volunteering', *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 7 (3), pp.244-257.
- Chelladurai, P. & Madella, A. (2006). *Human Resource Management of Olympic Sport Organisations: Memos Manual*. Champaign, IL: Human Kinetics Publishers.
- Clary, G. (2004, October). Volunteer Sustainability: How nonprofits can sustain volunteers' commitment. *Snapshots*, 36, 1-6. Retrieved September 7, 2005, from 71
http://www.worldvolunteerweb.org/dynamic/infobase/pdf/2005/vol_sustainability.pdf
- Clary, E. G., & Snyder, M. 1999. The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8, 156-159.
- Clary, E.G., Snyder, M., Ridge, R.D., Copeland, J., Stukas, A.A., Haugen, J., & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: a functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74 (6), 1516-1530.
- Cnaan, R. A. & Goldberg-Glen, R. S. (1991). Measuring motivation to volunteer in human services. *Journal of Applied Behavioral Science*, 27 (3), 269-284.

- Cravens, J. (2006). Involving international online volunteers: Factors for success, organizational benefits, and new views of community. *The International Journal of Volunteer Administration*, 24(1), 15-23.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five designs*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cuskelly, G., & Boag, A. (2001). Organizational commitment as a predictor of committee member turnover amongst volunteer sport administrators: Results of a time-lagged study. *Sport Management Review*, 4(1), 65-86.
- Cuskelly, G., McIntyre, M., & Boag, A. (1998). A longitudinal study of the development of organizational commitment amongst volunteer sport administrators. *Journal of Sport Management*, 12 (3), 181-202.
- Farrell, J. M., Johnston, M. E., & Twynam, G. D. (1998). Volunteer motivation, satisfaction, and management at an elite sporting competition. *Journal of Sport Management*, 12(4), 288- 300.
- Hamizah, B. 2015. Semarak Semangat Sukarelawan.
<http://www.hmetro.com.my/node/44982#sthash.AWc0YzcY.dpuf>
- Holmes, K. and Smith, K. (2009). *Managing Volunteers in Tourism: Attractions, Destinations and Events*, Oxford: Butterworth-Heinemann
- Ireland RD, Webb JW. 2007. Strategic entrepreneurship: creating competitive advantage through streams of innovation. *Business Horizons* 50: 49-59
- Kemp, S. (2002) 'The hidden workforce: volunteers' learning in the Olympics', *Journal of European Industrial Training*, Vol. 26 (Issue 2/3/4), pp. 109-116
- Mohd Fadzil, C.D. 2012. Martabatkan kerja sukarela sebagai amalan profesional. Blok Rasmi kementerian Pengajian Tinggi.
- Peredo, A. M., & McLean, M. (2006). Social Entrepreneurship: A Critical Review of the Concept. *Journal of World Business*, 41(1), 56-65.
- Phillips, M. (1982). Motivation and expectation in successful volunteerism. *Journal of Voluntary Action Research*, 11 (1/2), 118-125.
- Rehberg, W. (2005). Altruistic individualists: Motivations for international volunteering among young adults in Switzerland. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 16(2), 109-122.
- Shibli, S., Taylor, P., Nichols, G., Gratton, C., & Kokolakis, T. (1999). The characteristics of volunteers in UK sports clubs. *European Journal for Sport Management- Special Issue 1999 "Volunteers and professionals in sport organisations"*, 6, 10-27.
- Short, J.C., Moss, T.W. & Lumpkin, G.T., (2009) "Research in social entrepreneurship: Past contributions and future opportunities", *Strategic Entrepreneurship Journal*, 3, 2, pp. 161-194.
- Slaughter, L. and Home, R. (2004) 'Motivations of long term volunteers: Human services vs. events', *Journal of Hospitality, Tourism and Leisure Science (Online)*, 2004-2.
- Strigas, A. and Jackson, E.N. (2003) 'Motivating volunteers to serve and succeed: design and results of a pilot study that explores demographics and motivational factors in sport volunteerism', *International Sports Journal*, Vol. 7 (Issue 1), pp. 111-123.

Tajul Arifin, M. & Aishah Nadirah, M.A. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan Institusi pengajian Tinggi terhadap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38 (2). 51-59

Twynam, G.D., Farrell, J.M., & Johnston, M.E. (2002/2003). Leisure and volunteer motivation at a special sporting event. *Leisure/Loisir*, 27(3/4), 363-377.

Yeung, A. B. (2004). The octagon model of volunteer motivation: Results of a phenomenological analysis. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit* 73 74 Organizations, 15(1), 21-46.

Analisis Kesilapan Pemfaktoran Ungkapan Kuadratik Dalam Kalangan Pelajar Semester Satu di Politeknik Sultan Idris Shah

Rabiatul Adawiyah Binti Rosli¹ Nadzirah Binti Rasdi²

^{1,2}*Department of Mathematics, Science and Computer, Politeknik Sultan Idris Shah, 45100 Sg. Air Tawar, Selangor, Malaysia*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semester satu Politeknik Sultan Idris Shah dalam tajuk ungkapan kuadratik. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar semester satu Politeknik Sultan Idris Shah. Kajian ini berbentuk kualitatif dan instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah soalan-soalan ujian diagnostik. Data-data kajian dianalisis dengan menggunakan kiraan peratus dan diolah dalam bentuk jadual. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan pelajar dalam tajuk ungkapan kuadratik ialah kesilapan disebabkan fakta asas, kesilapan disebabkan kecuai, kesilapan tidak menghabiskan pengiraan, kesilapan tidak dapat mengira dengan tepat, kesalahan sembarangan dan lain-lain kesilapan iaitu tidak menjawab soalan.

Kata Kunci: Analisis kesilapan, Ungkapan Kuadratik

Pendahuluan

Isu-isu berkaitan kelemahan pelajar dalam menguasai konsep dan kemahiran matematik sering diperkatakan. Kelemahan dalam Matematik untuk sesetengah pelajar telah menjadi titik tolak untuk banyak kajian. Kajian-kajian ini merangkumi pelbagai aspek. Salah satu daripada aspek ini ialah analisis terhadap kesilapan lazim pelajar apabila mereka menyelesaikan masalah yang melibatkan tajuk ungkapan kuadratik.

Ungkapan dan Persamaan Kuadratik adalah antara topik yang terkandung di dalam Sukatan Pelajaran Matematik DBM1013, Engineering Mathematics 1. Berdasarkan sukatan matapelajaran Matematik DBM1013, Engineering Mathematics 1, ungkapan kuadratik meliputi mengenal pasti ungkapan kuadratik, manambah, menolak, mendarab, membahagi ungkapan linear, menyelesaikan permasalahan ungkapan kuadratik dan menunjukkan prosedur pecahan separa.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya akan memfokuskan kajian terhadap pemfaktoran ungkapan kuadratik iaitu di dalam subtopik menyelesaikan permasalahan ungkapan kuadratik dan akan menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidik akan menyediakan satu set ujian diagnostik di mana ujian ini merangkumi soalan-soalan berkaitan pemfaktoran ungkapan kuadratik. Ujian diagnostik ini dijalankan ke atas pelajar semester satu Politeknik Sultan Idris Shah di Sungai Lang, Sungai Air Tawar, Selangor. Analisis kesilapan pemfaktoran ungkapan kuadratik bergantung kepada keputusan responden dalam menjawab set ujian diagnostik yang diedarkan.